

M.P.U. 1/2003
PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM
(MELAKA) 2003

Peraturan 8. Pengendorsan ke atas perakuan pendaftaran atau pengeluaran perakuan pendaftaran baru.

(1) Apabila Pendaftar telah meluluskan permohonan untuk menukar alamat premis atau membuat apa-apa perubahan kepada premis sesuatu sekolah agama, Pengerusi atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab ke atas sekolah agama itu hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar perakuan pendaftaran sekolah agama itu bagi maksud—

(a) mengendorskan di atas perakuan itu alamat baru premis sekolah agama itu atau perubahan yang telah dibuat ke atas sekolah agama itu; atau

(b) mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang baru kepadanya, sebagaimana yang difikirkan sesuai atau perlu oleh Pendaftar.

(2) Tiada perubahan, pindaan atau catatan boleh dibuat kepada sesuatu perakuan pendaftaran kecuali dengan kebenaran Pendaftar.
